



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KESAN PENGGUNAAN MODUL 3K DALAM PEMBELAJARAN PEMAHAMAN KOMSAS

NOR AKMA BINTI MAT NAWI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (BAHASA MELAYU)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengkaji kesan pendekatan pembelajaran menggunakan Modul 3K terhadap skor markah Soalan Pemahaman KOMSAS dan skor markah Soalan Pemahaman KOMSAS berdasarkan aras soalan Kemahiran Berfikir Aras Rendah (KBAR) dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Kaedah eksperimen kuasi digunakan dalam kajian ini. Sampel kajian terdiri daripada 50 murid Tingkatan Empat di sebuah sekolah dalam daerah Segambut, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kajian ini menggunakan ujian pra, ujian pasca dan soal selidik sebagai instrumen kajian. Sampel kajian dibahagikan kepada dua kumpulan secara rawak terdiri daripada 25 murid kumpulan kawalan dan 25 murid kumpulan rawatan. Ujian-t dan analisis deskriptif digunakan untuk menganalisis data kajian. Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan, iaitu, ($p > 0.05$) bagi skor markah Soalan Pemahaman KOMSAS (Konvensional) kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan dalam ujian pra. Namun, terdapat perbezaan min yang signifikan, iaitu, ($p < 0.05$) bagi skor markah kumpulan kawalan (Konvensional) dan kumpulan rawatan (Modul 3K) dalam ujian pasca. Bagi Soalan 1 (KBAR), Soalan 2 dan Soalan 3 (KBAT) dapatan menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan, iaitu, ($p < 0.05$) bagi skor markah kumpulan kawalan (Konvensional) dan kumpulan rawatan (Modul 3K) dalam ujian pasca. Dapatan juga mendapati 87.2% murid berpendapat penggunaan Modul 3K dapat meningkatkan skor markah Soalan Pemahaman KOMSAS. Implikasi kajian menunjukkan pendekatan pembelajaran menggunakan Modul 3K mampu meningkatkan skor markah Soalan Pemahaman KOMSAS dan memupuk Kemahiran Berfikir Aras Rendah (KBAR) dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Oleh itu, Modul 3K dicadangkan digunakan untuk membantu murid dalam meningkatkan kefahaman menjawab Soalan Pemahaman KOMSAS.





THE EFFECTS OF USING THE 3K MODULE TO COMPREHEND THE KOMSAS QUESTIONS

ABSTRACT

This study aims to examine the effects of learning approaches using the 3K Module on understanding the KOMSAS Comprehension questions and the students' score on the KOMSAS Comprehension questions based on Low Order of Thinking Skills (LOTS) and High Order of Thinking Skills (HOTS). Quasi experimental method was used in this study. The sample of study consists of 50 form four students of a school in Segambut district, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. This study used pre-test, post-test and questionnaire as a research instrument. The sample was divided into two groups at random, consisting of 25 students of control group and 25 students of treatment group. The t-test and descriptive analysis were used to analyze the data. The findings showed that there were no significant mean differences, which is, ($p > 0.05$) in the students' score on the KOMSAS Comprehension Questions in both groups control (Conventional) and treatment group in the pre-test. However, there were significant mean differences, which is, ($p < 0.05$) in the scores for both groups control group and treatment group (Module 3K) in post test. The findings also showed significant mean difference, which is, ($p < 0.05$) for conventional control group and treatment group (Module 3K) scores in post test on Question 1 (LOTS), Question 2 and Question 3 (HOTS). Besides that, the findings showed that 87.2% of students agreed that the use of the 3K Module could improve their scores in understanding KOMSAS Questions. The implication of the study shows that learning approach using the 3K Module is able to increase the students' score on KOMSAS Comprehension Questions and develop Low Order Thinking Skills (LOTS) and High Order Thinking Skills (HOTS). Therefore, 3K Module is highly recommended to assist the students in improving their understanding on KOMSAS Comprehension questions.



**KANDUNGAN****Muka Surat**

PERAKUAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii

**BAB 1 PENGENALAN**

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	7
1.3 Pernyataan Masalah	12
1.4 Objektif Kajian	17
1.5 Soalan Kajian	18
1.6 Hipotesis Kajian	19
1.7 Kepentingan Kajian	20
1.7.1 Guru	21
1.7.2 Murid	21
1.7.3 Penggubal Dasar Pendidikan	21
1.8 Batasan Kajian	22



1.9 Definisi Operasional	23
1.9.1 Kata Kunci	23
1.9.2 Peta Konsep	24
1.9.3 Modul Konseptual Kata Kunci (3K)	25
1.9.4 KOMSAS	26
1.9.5 Kemahiran Berfikir	27
1.10 Rumusan Bab	29

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	30
2.2 Teori Skema	30
2.3 Teori Konseptual Kata Kunci	33
2.4 Penggunaan Peta Pemikiran Dalam Pembelajaran	36
2.5 Kajian Berkaitan Pembinaan Alat Mengajar	41
2.6 Kemahiran Berfikir	44
2.6.1 Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)	45
2.6.2 Perbezaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dan Kemahiran Berfikir Aras Rendah (KBAR)	47
2.7 Jenis Soalan	48
2.8 Kata Tanya	51
2.9 Kerangka Konseptual Modul 3K	53
2.10 Rumusan Bab	57

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	58
3.2 Reka Bentuk Kajian	58
3.3 Populasi dan Sampel Kajian	60
3.4 Instrumen Kajian	61
3.4.1 Set Soalan Pemahaman KOMSAS	62

3.4.2 Modul 3K	62
3.5 Kesahan	63
3.5.1 Kesahaman Soalan Pemahaman KOMSAS	64
3.5.2 Kesahan Modul 3K	67
3.6 Kebolehpercayaan	70
3.7 Pengumpulan Data	71
3.8 Prosedur Pengumpulan Data	72
3.9 Analisis Data	74
3.10 Rumusan Bab	76

BAB 4 PEMBANGUNAN MODUL PEMBELAJARAN KENDIRI (MPK)

4.1 Pengenalan	77
4.2 Aliran Rangka Kerja Pembangunan Modul 3K	78
4.3 Fasa Analisis	79
4.4 Fasa Reka Bentuk	82
4.4.1 Muka Hadapan Modul 3K	84
4.4.2 Arahan Penggunaan	85
4.4.3 Tujuan dan Matlamat	86
4.4.4 Senarai Kemahiran Prasyarat	86
4.4.5 Objektif Pembelajaran	90
4.4.6 Ujian Pra Diagnostik	91
4.4.7 Peralatan yang Diperlukan	92
4.4.8 Aktiviti Peralatan Mengikut Turutan	92
4.4.9 Penguasaan Ujian Pasca	93
4.5 Fasa Pembangunan	94
4.5.1 Soal Selidik Set 1-5 Soalan Pemahaman KOMSAS (Kumpulan Kawalan dan Rawatan Ujian Pra)	96
4.5.2 Soal Selidik Set 6-10 Soalan Pemahaman KOMSAS (Kumpulan Kawalan Ujian	97



Pasca)

4.5.3	Soal Selidik Modul 3K (Kumpulan Rawatan Ujian Pasca)	98
4.5.4	Soal Selidik Persepsi Responden Terhadap Modul 3K	100
4.5.5	Komen dan Cadangan Pakar Penilai	100
4.6	Fasa Pelaksanaan	102
4.6.1	Ujian Rintis	102
4.6.2	Ujian Pra	103
4.6.2	Ujian Pasca	103
4.6.3	Skema Pemikiran Soalan Berdasarkan Jawapan Dalam Petikan (KBAR)	107
4.6.4	Skema Pemikiran Soalan Kemahiran Berfikir (KBAT)	108
4.6.5	Skema Pemikiran Soalan Aspek Kajian Sastera (KBAT)	109



4.7	Fasa Penilaian	110
4.8	Rumusan Bab	110

BAB 5 DAPATAN KAJIAN

5.1	Pengenalan	111
5.2	Demografi Responden Ujian Rintis	112
5.3	Keputusan Hipotesis Ujian Rintis	113
5.4	Demografi Responden Kajian Lapangan	115
5.5	Keputusan Hipotesis Kajian	116
5.5.1	Hipotesis Kajian 1 (Soalan Kajian Pertama)	116
5.5.2	Hipotesis Kajian 2 (Soalan Kajian Pertama)	117
5.5.3	Hipotesis Kajian 3 (Soalan Kajian Kedua)	119
5.5.4	Hipotesis Kajian 4 (Soalan Kajian Kedua)	120
5.5.5	Hipotesis Kajian 5 (Soalan Kajian Kedua)	121





5.6	Jawapan Responden Ujian Soalan Pemahaman KOMSAS Pendekatan Pembelajaran Secara Konvensional dalam Ujian Pra	123
5.7	Jawapan Responden Ujian Soalan Pemahaman Pendekatan Pembelajaran Secara Konvensional dan Penggunaan Modul 3K dalam Ujian Pasca	127
5.8	Keputusan Soal Selidik "Pendapat Pelajar Terhadap Penggunaan Modul 3K"	132
5.7	Rumusan Bab	134

BAB 6 PERBINCANGAN DAN CADANGAN

6.1	Pengenalan	135
6.2	Perbincangan Dapatan Kajian	136
6.3	Implikasi Kajian	143
6.4	Cadangan Kajian Lanjutan	147
6.5	Rumusan Bab	148



LAMPIRAN



SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Perbandingan Pengajaran Tradisional dan Pengajaran Tradisional	11
2.1	Perbezaan Soalan Terbuka dan Tertutup	50
2.2	Kata Tanya dan Penggunaannya	52
3.1	Reka Bentuk Kajian Kuasi Eksperimental	60
3.2	Pekali Alpha Cronbach (Mohd. Najib, 1999)	71
3.3	Diubahsuai daripada Lendell K (1997)	75
4.1	Purata Markah Kefahaman Kertas 2 PAT Tingkatan 4 (Kelas A dan B)	81
4.2	Pekali Alpha Cronbach	95
4.3	Pakar Penilai Kualiti Modul 3K	95
4.4	Kandungan Skala Pengukuran Kesahan Pakar Soal Selidik Soalan Pemahaman KOMSAS Set 1-5, Versi 20 ($\alpha = 0.823$)	96
4.5	Kandungan Skala Pengukuran Kesahan Pakar Soal Selidik Soalan Pemahaman KOMSAS Set 6-10, Versi 20 ($\alpha = 0.850$)	97
4.6	Kandungan Skala Pengukuran Kesahan Soal Selidik Modul 3K Versi 20 ($\alpha = 0.882$)	99
4.7	Kandungan Skala Pengukuran Kesahan Borang Soal Selidik Persepsi Pelajar Terhadap Modul 3K Versi 20 ($\alpha = 0.811$)	100

4.8	Komen dan Cadangan Penilai Pakar Terhadap Modul 3K	101
5.1	Maklumat Diri Responden Kajian Rintis	112
5.2	Ujian-T Membandingkan Pencapaian Responden Ujian Rintis	113
5.3	Maklumat Diri Responden Kajian Lapangan	115
5.4	Ujian-T Membandingkan Pencapaian Murid Kumpulan Rawatan Dengan Kumpulan Kawalan Dalam Ujian Pra	117
5.5	Ujian-T Membandingkan Pencapaian Murid Kumpulan Rawatan dengan Kumpulan Kawalan dalam Ujian Pasca	117
5.6	Ujian-T Membandingkan Pencapaian Murid S1 (KBAR) Kumpulan Rawatan dengan Kumpulan Kawalan dalam Ujian Pasca	119
5.7	Ujian-T Membandingkan Pencapaian Murid S2 (KBAT) Kumpulan Rawatan dengan Kumpulan Kawalan dalam Ujian Pasca	120
5.8	Ujian-T Membandingkan Pencapaian Murid S3 (KBAT) Kumpulan Rawatan dengan Kumpulan Kawalan dalam Ujian Pasca	121
5.9	Soal Sedilik “Ya” atau “Tidak” Pendapat Responden	132

**SENARAI RAJAH**

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Idea Asas Pembentukan Pengajaran Bermodul	9
2.1	Perbandingan Taksonomi Bloom dan Taksonomi Anderson	46
2.2	Kerangka Konseptual Binaan Modul 3K	53
3.2	Carta Alir Proses Pengumpulan Data	73
4.1	Aliran Rangka Kerja Pembangunan Modul 3K	78
4.2	Carta Alir Reka Bentuk dan Pembangunan Modul Pembelajaran Kendiri	83
4.3	Muka Hadapan Modul 3K	84
4.4	Panduan Rajah dan Singkatan Modul 3K (hal. 2, Modul 3K)	85
4.5	Prosedur Penggunaan Modul 3K(hal. 1, Modul 3K)	86
4.6	Bahagian A Panduan Penggunaan Modul 3K Guru dan Pelajar (hal. 5, Modul 3K)	88
4.7	Bahagian B Latihan Berpandu Modul 3K Guru dan Pelajar (hal. 8, Modul 3K)	89
4.8	Bahagian C Latihan Kendiri Modul 3K Guru dan Pelajar (hal. 10, Modul 3K)	90
4.9	Objektif Umum dan Khusus Bahagian A, B dan C (hal. 5, 8, 10 Modul 3K)	91
4.10	Alatan Modul 3K (hal. 2 Modul 3K)	92
4.11	Prosedur Modul 3K (hal. 2 Modul 3K)	93
4.12	Skema Aliran Pemikiran Kata Kunci (hal. 6, Modul 3K)	107
4.13	Skema Aliran Pemikiran Kata Kunci (hal. 7, Modul 3K)	108
4.14	Skema Aliran Pemikiran Kata Kunci (hal. 8, Modul 3K)	119
5.1	Jawapan Responden Kumpulan Kawalan Ujian Pra, Soalan 1 (KBAR)	123





5.2	Jawapan Responden Kumpulan Rawatan Ujian Pra, Soalan 1 (KBAR)	124
5.3	Jawapan Responden Kumpulan Kawalan Ujian Pra, Soalan 2 (KBAT) dan Soalan 3 (KBAT)	125
5.4	Jawapan Responden Kumpulan Kawalan Ujian Pra, Soalan 2 (KBAT) dan Soalan 3 (KBAT)	126
5.5	Jawapan Responden Kumpulan Kawalan Ujian Pasca, Soalan 1 (KBAR)	127
5.6	Jawapan Responden Kumpulan Rawatan Ujian Pasca, Soalan 1 (KBAR)	128
5.7	Jawapan Responden Kumpulan Kawalan Ujian Pasca, Soalan 2 (KBAT) dan Soalan 3 (KBAT)	129
5.8	Jawapan Responden Kumpulan Rawatan Ujian Pasca, Soalan 2 (KBAT) dan Soalan 3 (KBAT)	131





SENARAI SINGKATAN

BM	Bahasa Melayu
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
HSP	Huraian Sukatan Pelajaran
KB	Kemahiran Berfikir
KBAR	Kemahiran Berfikir Aras Rendah
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KOMSAS	Komponen Sastera
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
MPK	Modul Pembelajaran Kendiri
PB	Pengajaran Bermodul
PI	Pengajaran Individu
PMR	Peperiksaan Menengah Rendah
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PT	Pengajaran Tradisional
PT3	Pentaksiran Tingkatan Tiga
RRJP3	Rancangan Rangka Jangka Panjang kali ke-3
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah





SENARAI LAMPIRAN

- A Surat Kebenaran Kajian
- B Surat Penilai Pakar
- C Borang Soal Selidik Kesahan Penilai Pakar
- D Contoh Soalan Set Pemahaman KOMSAS
- E Contoh Pecahan Modul 3K





BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan



Kekuatan sebenar sesebuah negara terletak pada tahap ilmu dan kemahiran yang dikuasai oleh rakyat negara tersebut. Sistem pendidikan sudah semestinya diberi tanggungjawab yang begitu besar untuk menyampaikan ilmu dan kemahiran kepada rakyatnya. Menurut Rajendran (2001), jikalau sistem pendidikan sesebuah negara itu kurang berkesan ataupun gagal sebagai medium ilmu dan kemahiran kepada rakyatnya yang diperlukan untuk negara tersebut bersaing dengan negara-negara lain, kesannya negara tersebut akan ketinggalan dalam semua aspek. Kesan negatifnya adalah kesan jangka masa panjang dan akan memerlukan satu tempoh masa yang begitu lama untuk mengatasi masalah tersebut.

Sehubungan itu, Rancangan Rangka Jangka Panjang 3 (RRJP3) yang telah dibentangkan di Parlimen pada April 2001 menggariskan dengan jelasnya ilmu dan kemahiran yang perlu dimiliki oleh rakyat Malaysia supaya negara kita dapat





bersaing dengan negara-negara lain pada alaf baru ini. RRJP3 antaranya menjelaskan:

Peralihan ekonomi akan meningkatkan permintaan terhadap kemahiran dan kepakaran teknologi serta tenaga buruh yang dilengkapi dengan pengetahuan tacit dan kemahiran berfikir yang tinggi...tenaga buruh mempunyai kebolehan untuk menerima dan menyesuaikan diri dengan perubahan permintaan berikutan kemajuan teknologi dalam ekonomi berasaskan pengetahuan...Kurikulum sekolah akan dikaji semula untuk memupuk kemahiran berfikir dan menjana daya cipta serta pembelajaran sendiri dalam kalangan pelajar khususnya di peringkat rendah dan menengah.

(Rangka Rancangan Jangka Panjang 3)

Melalui RRJP3, kurikulum sekolah dituntut mengkaji semula pemupukan Kemahiran Berfikir (KB) dan daya cipta dalam kalangan murid. Sebenarnya, penyemakan semula kurikulum sekolah telah dikendalikan di Malaysia sejak awal tahun 1980an. Inisiatif-inisiatif tersebut telah mengkaji secara komprehensif sistem pendidikan di negara kita dan telah mencadangkan beberapa langkah untuk membawa perubahan yang signifikan pada setiap peringkat perancangan dan pelaksanaan sistem pendidikan.

Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah pada tahun 1981 dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah pada tahun 1989 telah menuntut beberapa perubahan dalam pembinaan kurikulum, pendidikan perguruan, penggunaan strategi pengajaran dan pembelajaran serta pentadbiran sekolah. Dalam konteks ini, satu daripada inisiatif yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan adalah program menyebatkan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Program ini telah diperkenalkan secara rasmi dalam kurikulum sekolah pada tahun 1992 dan dalam kurikulum pendidikan guru pada tahun 1993 (Rajendran, 2001).





Seterusnya Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (2013)

turut menekankan kepentingan Kemahiran Berfikir (KB):

“Setiap kanak-kanak akan belajar cara untuk terus memperoleh pengetahuan sepanjang hayat mereka (menanamkan cinta untuk siasatan dan pembelajaran sepanjang hayat), dapat menggabung jalin ilmu yang berbeza, dan untuk mewujudkan pengetahuan baharu. Setiap kanak-kanak akan menguasai pelbagai kemahiran kognitif yang penting, termasuk pemikiran kritis, penaakulan, pemikiran kreatif dan inovasi.”

(Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, 2013, hlm.E9).

Elemen ini merupakan kelemahan dalam sejarah sistem pendidikan negara kerana murid-murid kurang mampu menggunakan pengetahuan dan berfikir secara kritikal dalam konteks di luar akademik. Sehubungan itu, transformasi pendidikan telah dimulakan dengan terlaksananya Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) pada tahun 2011 dan pengajaran pemikiran kreatif dan kritis dan pembelajaran strategi telah dilaksanakan dan Kemahiran Berfikir Aras Rendah (KBAR) serta Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) ditekankan di sekolah-sekolah Malaysia. Oleh itu, dijangka bahawa murid-murid di bawah sistem persekolahan ini akan mempamerkan tahap pemikiran yang lebih tinggi, terutamanya dari segi gaya pemikiran kritis dan kreatif.

Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) abad 21 merujuk kepada beberapa kompetensi teras, iaitu, kolaboratif, celik digital, Kemahiran Berfikir dan penyelesaian masalah. Bernet Berry (2011) menjelaskan pembelajaran abad 21 sebagai suatu bentuk pembelajaran yang memerlukan murid menguasai isi kandungan dan menghasilkan, mensintesis (penyatuan atau penggabungan) dan menilai maklumat daripada pelbagai mata pelajaran dan sumber yang luas dengan memahami dan menghormati budaya yang berbeza. Oleh itu, murid diharap dapat





mencipta, berkomunikasi, bekerjasama serta celik digital selain mempunyai tanggungjawab sivik. Murid perlu disediakan dengan kemahiran menangani cabaran dunia pendidikan yang terdedah kepada pelbagai interpretasi dan kontroversi yang mencabar pemikiran individu. Semua mata pelajaran perlu menekankan ciri pengajaran dan pembelajaran abad 21 termasuklah mata pelajaran Bahasa Melayu.

Dari sudut bahasa pula, Rajendran (2001) menjelaskan perkembangan bahasa dan pemikiran seseorang mempunyai perkaitan yang rapat. Terdapat ahli psikologi mencadangkan supaya seseorang harus diajar Kemahiran Berfikir sebelum diajar kemahiran-kemahiran bahasa. Terdapat juga ahli psikologi dan pembelajaran yang mencadangkan supaya proses berfikir seseorang harus diperkembangkan semasa label bahasa yang mewakili konsep-konsep tertentu diperkenalkan. Walaupun debat ini masih berterusan, kedua-dua pihak bersetuju bahawa bahasa memainkan peranan yang penting dalam memperkembangkan proses berfikir seseorang. Sehubungan itu, Bahasa Melayu sebagai bahasa keempat terbanyak penuturnya menguasai Kemahiran Berfikir, lebih-lebih lagi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).

Pada masa ini, komponen mengajar Kemahiran Berfikir secara eksplisit telah mula mendapat tempat dan kurikulum sekolah (Resnick, 1987). Harapannya, Kemahiran Berfikir, khususnya Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) diberi keutamaan lebih daripada Kemahiran Berfikir Aras Rendah (KBAR) dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Walau bagaimanapun, kedua-dua komponen penting ini tidak boleh dikesampingkan. Perkara ini seharusnya dilaksanakan melalui proses pengajaran dan pembelajaran semua mata pelajaran. Hal ini demikian kerana komponen KBAR ataupun KBAT kedua-duanya dilihat penting dalam meningkatkan





Kemahiran Berfikir murid. Sehubungan itu, pengajaran Bahasa Melayu (BM) juga diharapkan menangani cabaran ini.

Jikalau ditelusuri, matlamat pendidikan negara adalah untuk memperkembangkan daya intelek dan kerohanian ke peringkat yang maksimum. Perkembangan daya intelek dan kerohanian generasi muda sangat penting kerana generasi muda merupakan penyumbang tenaga kerja utama negara. Tenaga kerja yang berkualiti merupakan aset negara yang penting. Menurut Harbinson (1973), kunci masa hadapan sesuatu bangsa bergantung kepada sumber manusia dan bukan lagi kepada sumber alam semula jadi sebagaimana berlaku pada zaman dahulu. Kualiti serta bilangan manusia terpelajar dan berkemahiran berfikir merupakan penentu sama ada sesebuah negara itu makmur atau sebaliknya.



Perkara ini disokong oleh Ohmae (1987) kerana kepentingan sumber manusia menurut merupakan asas utama yang bergantung kepada jenis masyarakat yang dibentuk. Akhirnya, hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) adalah untuk melahirkan insan yang seimbang, harmonis dan berkualiti dari segi pemikiran melalui pendidikan akan menjadi kenyataan melalui usaha yang bersungguh-sungguh para pelaksana pendidikan. Oleh itu, jelaslah di sini bahawa matlamat pendidikan adalah untuk melatih murid berfikir dan mencapai tahap mahir. Kemahiran dapat dikuasai melalui pengajaran dan pembelajaran yang tersusun di samping mempunyai keazaman untuk memperbaikinya dan diikuti dengan latihan. Semakan terkini Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu yang dilakukan pada tahun 2013 menjelaskan bahawa:





“Kemahiran berfikir hendaklah diserapkan secara terancang dengan kemahiran mendengar dan bertutur, membaca dan menulis. Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu ini memberikan penekanan kepada Kemahiran Berfikir secara kritis dan kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran.”

(Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu, 2013, hal. 8)

Menurut Willen (2014), tujuan utama pendidikan adalah untuk memperkukuhkan daya fikir seseorang ke tahap maksimum supaya daya fikir seseorang itu bersifat inovatif, kreatif dan imaginatif. Oleh itu, pencerakinan keseluruhan yang berkaitan Kemahiran Berfikir dalam pengajaran, memudahkan hasrat untuk melahirkan insan seimbang dan harmonis. Kemahiran Berfikir adalah asas bagi mencorakkan pembangunan pendidikan yang kreatif dalam kalangan murid. Penekanan terhadap Kemahiran Berfikir dalam semua mata pelajaran di sekolah membolehkan percambahan pemikiran berlaku dan murid dapat berfikir dan membuat sesuatu keputusan dengan lebih rasional, bertimbang rasa dan objektif.



Oleh itu, selaras dengan matlamat untuk mempertingkatkan elemen KBAT murid, penginovasian ke atas kaedah dan pendekatan pengajaran (pedagogi) memainkan peranan yang penting. Perkembangan teknologi abad ke-21 kini serba sedikit memberi kesan yang besar terhadap bidang pendidikan yang sentiasa mengutamakan penglibatan (*engagement/interest*) murid secara lebih aktif dalam usaha meningkatkan rasa ingin tahu serta pemahaman murid dalam suatu subjek yang dipelajari. Murid memerlukan satu pendekatan, strategi, keadah mahupun teknik yang baharu dalam mendepani arus globalisasi pendidikan pada masa ini.

Begitu juga halnya dengan Komponen Sastera dalam Bahasa Melayu (KOMSAS) sekolah menengah antara lain bertujuan untuk membolehkan murid memberikan pendapat dan hujah yang kritis dan analitis dalam pelbagai situasi serta





dapat membuat tafsiran, penilaian dan rumusan yang wajar atas pelbagai bahan yang dibaca. Pemikiran kritis, analitis dan kreatif perlu ditanamkan dan disuburkan dalam kalangan murid secara sedar serta terancang oleh guru-guru Bahasa Melayu ketika mengajar KOMSAS. Melalui pengajaran KOMSAS kepada para murid, guru dapat melahirkan murid yang lebih berfikir kreatif dan kritis kerana unsur yang terdapat dalam bahan sastra tersebut. Di samping itu, bahan pengajarannya akan dapat memotivasikan murid untuk membaca bahan yang lebih baik. Bahan yang dibaca akan menyalurkan pemikiran positif, kreatif dan kritis dalam proses pendidikan seumur hidup. Keadaan ini akan memupuk perkembangan daya cipta atau imaginasi murid dalam proses pembelajaran secara berterusan. Apabila murid membaca novel, cerpen, drama dan prosa tradisional, murid akan cuba untuk mencari mesej yang hendak disampaikan oleh penulis. Secara tidak langsung, murid dapat berfikir untuk mengenal pasti mesej tersebut.



1.2 Latar Belakang Kajian

Noordin dan Yap (1991) menerangkan bahawa Pengajaran Bermodul (PB) berasaskan Pengajaran Individu (PI) menyediakan suasana pembelajaran yang optimum bagi setiap individu. Pelaksanaan konsep PI dalam bilik darjah dapat dipertingkatkan lagi jikalau suatu mata pelajaran itu dibahagikan kepada beberapa bahagian yang kecil melalui kaedah yang sistematik. Oleh itu, PB yang menggunakan Modul Pembelajaran Kendiri (MPK) merupakan suatu pakej dalam suatu mata pelajaran berupaya membolehkan murid belajar sendiri mengikut keperluan kendirinya.





Pembentukan PB dalam Mohd. Zain (2005) merangkumi asas-asas idea PI dalam bentuk Rancangan Dalton oleh Helen Parkhurst (1920), diikuti dengan idea Pengajaran Terancang oleh Skinner (1958), idea *Keller Plan* oleh Fred. S. Keller (1960), idea penggunaan media dalam *Audio-Tutorial* oleh Postlewaith (1961) dan akhirnya idea Pembelajaran Penguasaan oleh Carol (1963) dan Bloom (1968). Oleh itu, Mohd. Zain (2005) merumuskan asas-asas pembentukan PB pada Rajah 1.1 seperti berikut:

1.2.1 Rancangan Dalton adalah berteraskan pecahan kandungan isi pelajaran kepada unit-unit kecil. Ciri ini terdapat pada PB seperti MPK yang direka bentuk mengikut tajuk-tajuk kecil.


1.2.3 Dalam Pengajaran Terancang, peneguhan atau pengukuhan pengajaran diadakan. PB mengandungi unsur peneguhan seperti pengayaan dan pemulihan berdasarkan keperluan.

1.2.4 Rancangan Keller atau *Keller Plan* memerlukan pelajar membaca teks, menjalani ujian pada aras penguasaan 100% dan pemulihan dengan mengulangi teks secara individu. Sebaliknya dalam pembelajaran Bloom pula, murid bukan sahaja diminta membaca teks malah perlu mengikut kuliah atau perbincangan, aras penguasaan ujian pula adalah antara 80% hingga 90% dan pemulihan dilakukan dengan pelbagai bahan tambahan yang baharu dengan mengulangi teks. Selain itu, pelaksanaan boleh dijalankan secara kelompok atau kelas.



1.2.5 *Audio-Tutorial* pula menggunakan bahan media seperti pita rakaman semasa pengajaran. PB menggunakan teks juga boleh menggunakan pelbagai pilihan bahan pembelajaran tambahan lain jika perlu seperti mendengar pita rakaman dan menonton video berdasarkan aras penguasaan yang ditetapkan.

1.2.6 PB adalah satu pengajaran menggunakan MPK, sama ada sebahagian atau keseluruhan mata pelajaran tertentu atau kursus yang boleh dilaksanakan dengan kehadiran pengajar atau sebaliknya. Pelaksanaan MPK boleh dijalankan secara individu, berkelompok atau bersama guru serta boleh diaplikasikan pada kebanyakan mata pelajaran di semua peringkat pengajaran.



Rajah 1.1. Idea Asas Pembentukan Pengajaran Bermodul (Mohd. Zain, 2005)

Menurut Meyer (1988), tujuan PB adalah untuk menjadikan pembelajaran bersifat individu yang membolehkan murid berupaya mengenal pasti objektif, perkembangan, kekuatan dan kelemahan pembelajaran sendiri serta melakukan penambahbaikan mengikut keperluan. Kamil (1990) pula menyatakan tujuan PB adalah supaya murid dapat:



1.2.7 Belajar mengikut kadar pembelajaran sendiri atas wujudnya kekangan faktor perbezaan individu.

1.2.8 Memilih cara belajar yang sesuai supaya pembelajaran berkesan dan produktif.

1.2.9 Mengenalpasti kekuatan dan kelemahan diri bagi tujuan peneguhan.

Secara ringkasnya, PB bertujuan untuk membolehkan murid mengenal pasti objektif pembelajaran belajar mengikut kadar sendiri dan mengenal pasti kekuatan serta kelemahan diri. Berdasarkan Jadual 1.1, PB mempunyai banyak kelebihan dan kebaikan berbanding Pengajaran Tradisional (PT) (Mohd. Zain, 2005). Hal ini jelas dapat dilihat pada komponen pernyataan matlamat dan objektif serta aspek penguasaan yang ditetapkan dalam MPK. Contohnya, pernyataan matlamat dan objektif dalam PB dimaklumkan kepada pelajar di sepanjang perkembangan pengajaran dalam MPK. Pelajar perlu tahu konsep yang mesti dikuasai dan ini dapat dikesan dengan mudah jika gagal dikuasai melalui Ujian Formatif dalam MPK. Sebagai contoh, sekiranya pelajar gagal menguasai tahap minimum yang ditetapkan, pelajar tersebut akan diarah ke Bahagian Pemulihan agar dapat menguasai konsep yang tidak dikuasai. Oleh itu, murid dapat mengesan dan memastikan pengetahuan dan kemahiran yang perlu dikuasai tercapai secara tidak langsung pembelajaran bermakna juga dapat dicapai.

Tambahan pula, satu lagi aspek komponen pengajaran yang jelas menunjukkan kelebihan PB adalah penyertaan murid. Dalam PB, penyertaan pelajar menjadi aktif kerana terdapat pelbagai aktiviti yang disediakan dalam MPK seperti aktiviti berbentuk eksperimen, projek atau tugas dan penyelesaian masalah yang





perlu diselesaikan. Oleh itu, PB menerusi MPK berupaya mewujudkan pengajaran berkesan dan pembelajaran aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Jadual 1.1

Perbandingan Pengajaran Tradisional dan Pengajaran Bermodul

Komponen Pengajaran	Pengajaran Tradisional	Pengajaran Bermodul
Pengalaman Belajar	Buku teks, ceramah, perbincangan, berkumpulan.	Gabungan dalam urutan yang saling berkait.
Penentuan Matlamat	Melalui kurikulum, buku teks, rujukan pengalaman.	Melalui kurikulum, taksiran analisis tugas, rujukan luaran.
Pernyataan Matlamat dan Objektif	Tidak spesifik, ditentukan oleh guru, tidak dimaklumkan kepada pelajar.	Spesifik, ditentukan oleh prestasi murid, dimaklumkan sepanjang perkembangan pengajaran.
Pemilihan Keutamaan	Bahan pengajaran didahulukan.	Penentuan objektif didahulukan.
Penentuan Kebolehan	Tidak diambil kira.	Diambil kira dalam penyediaan bahan dan aktiviti.
Peningkatan Tahap Pencapaian	Perbandingan antara pelajar.	Berdasarkan penguasaan objektif.
Penguasaan	Sebahagian menguasai kebanyakan objektif.	Majoriti menguasai kebanyakan objektif.
Tempoh Bagi Penguasaan ke Atas Pelaksanaan	Ditetapkan tempoh yang sama dan tahap tertentu.	Tempoh berbeza bagi setiap murid.
Kegagalan Penguasaan	Disebabkan pelajar lemah, tidak mudah dikesan.	Perlu baiki pengajaran, mudah dikesan.
Penyertaan Pelajar	Pasif, membaca, mendengar dan sedikit aktiviti.	Aktif, pelbagai aktiviti.
Peranan Guru	Sebagai penyampai maklumat.	Sebagai pemudahcara, pembimbing dan penasihat.
Pemulihan	Tidak dirancang.	Dirancang.
Penilaian	Tidak merujuk perancangan, Rujukan Norma.	Berlaku berterusan dengan menilai penguasaan objektif, Rujukan Kriteria.
Ujian	Mengukur penguasaan isi pelajaran.	Mengukur penguasaan tujuan dan objektif pengajaran.

(bersambung)



Jadual 1.1 (sambungan)

Komponen Pengajaran	Pengajaran Tradisional	Pengajaran Bermodul
Jangkaan Pencapaian	Normal.	Lebih tinggi.
Strategi Pengajaran	Berdasarkan kebiasaan dan kegemaran guru, biasanya satu atau dua.	Berdasarkan teori dan kajian untuk mencapai objektif, pelbagai strategi.
Penggunaan Media	Dipilih atas dasar mudah, biasanya media cetak.	Dipilih atas dasar tujuan, pelbagai media disediakan berdasarkan keperluan.
Perkaitan Bahan	Berdasarkan panduan tajuk dan logik isi.	Berdasarkan kesesuaian perancangan.
Sumber Bahan	Melalui guru sahaja.	Tanpa perlu ada guru, pelbagai sumber.
Pengubahsuaian Bahan	Memakan masa kerana meliputi satu buku.	Masa yang singkat kerana hanya tajuk kecil.

1.3 Pernyataan Masalah

Kemahiran Berfikir adalah asas bagi mencorakkan pembangunan pendidikan yang kreatif dalam kalangan murid. Penekanan terhadap Kemahiran Berfikir dalam semua mata pelajaran di sekolah membolehkan percambahan pemikiran berlaku dan murid dapat berfikir dan membuat sesuatu keputusan dengan lebih rasional, bertimbang rasa dan objektif. Justeru, pada tahun 2015 semua sekolah akan melaksanakan pembelajaran abad ke-21 yang bertujuan untuk mempertingkatkan dan membudayakan Kemahiran Berfikir ke arah menghasilkan murid inovatif seperti yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (KPM 2013). Proses pengembangan pembudayaan kemahiran ini memerlukan murid menguasai kedua-dua tahap pemikiran, iaitu, Kemahiran Berfikir Aras Rendah (KBAR) dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).



Dalam pembelajaran KOMSAS, aspek Kemahiran Berfikir turut diberi penekanan, menurut Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu (2013), Komponen Sastera dalam Bahasa Melayu (KOMSAS) sekolah menengah antara lain bertujuan untuk membolehkan murid memberikan pendapat dan hujah yang kritis dan analitis dalam pelbagai situasi serta dapat membuat tafsiran, penilaian dan rumusan yang wajar atas pelbagai bahan yang dibaca. Pemikiran kritis, analitis dan kreatif perlu ditanamkan dan disuburkan dalam kalangan murid secara sedar serta terancang oleh guru-guru Bahasa Melayu ketika mengajar KOMSAS. Melalui pengajaran KOMSAS kepada murid, secara tidak langsung guru dapat melahirkan murid yang lebih berfikiran kreatif dan kritis kerana unsur yang terdapat dalam bahan sastera tersebut. Dalam hal ini, jelas menunjukkan kepentingan KOMSAS yang sangat dalam memupuk dan membudayakan Kemahiran Berfikir.



Pemupukan Kemahiran Berfikir dalam KOMSAS yang memfokuskan kepada aspek KBAR dan KBAT dapat dilihat dalam Soalan Pemahaman KOMSAS, Kertas 2 Kod 1103/2 Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Pendekatan Konseptual Kata Kunci (3K) merupakan fokus kepada peningkatan skor markah Soalan Pemahaman dan secara tidak langsung dapat memupuk Kemahiran Berfikir Aras Rendah dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi. Menurut Mohd Daud Ibrahim dan Rohaidah Kamruddin (2015), Konseptual Kata Kunci merupakan satu pendekatan dalam Bidang Sastera. Konseptual Kata Kunci ini adalah konsepsi seseorang individu terhadap sesuatu idea, perkara atau objek boleh dikenal pasti melalui penelitian kata-kata yang digunakan oleh pengarang. Kata-kata yang diberi penekanan atau fokus inilah yang dinamakan sebagai kata kunci (*keywords*). Asas pendekatan 3K ialah setiap manusia mempunyai kerangka konseptual terhadap sesuatu perkara yang dilihat dan diamatinya. Hal ini demikian kerana terdapat suatu elemen linguistik terencana yang





disirat oleh kata-kata tertentu yang menjadi kunci sesuatu konsep yang lebih menyeluruh dan memberi makna.

Konseptual Kata Kunci (3K) merupakan satu pendekatan yang menitikberatkan soal perkaitan di antara satu kata kunci dengan satu kata kunci yang lain dan rangkaian kata kunci itu pula berkait dengan sesuatu konsep yang terhasil. Konsep yang terhasil ini melalui skema pemikiran adalah sangat penting dalam membantu menjawab Soalan Pemahaman KOMSAS dan memupuk Kemahiran Berfikir Aras Rendah dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi. Hal ini demikian kerana murid masih lagi belum mampu memahami kehendak sebenar Soalan Pemahaman KOMSAS dengan baik. Menurut Noor Rohana Mansor (2013), prestasi pembelajaran Bahasa Melayu bagi murid Tingkatan Empat dan Lima mengikut Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) menyatakan beberapa tahun kebelakangan ini para murid masih lemah untuk memahami soalan dan kehendak tugas soalan dan ini sekali gus menyebabkan calon gagal mengemukakan jawapan mengikut kehendak soalan sepenuhnya. Dalam Soalan Pemahaman KOMSAS kelemahan ketara ialah calon gagal memahami kehendak tugas soalan, tidak memahami pertanyaan aras rendah seperti kata kunci, '*apakah*' dan '*siapakah*', seterusnya soalan aras tinggi seperti kata kunci '*mengapakah*', '*katakanlah anda*', '*apakah tindakan yang perlu anda ambil*' dan sebagainya. Situasi ini menyebabkan sebahagian calon gagal memberikan isi-isi mengikut keperluan pertanyaan Soalan Pemahaman KOMSAS.

Kajian Zulkifley *et al.* (2014) juga menjelaskan, tahap kefahaman memahami kehendak soalan murid dalam menjawab Soalan Pemahaman KOMSAS adalah pada tahap sederhana di sekolah menengah dan seharusnya tahap ini perlu dipertingkatkan. Hal ini demikian kerana tahap kefahaman yang rendah ini akan meninggalkan kesan yang negatif termasuklah pencapaian yang rendah serta





merosotkan minat belajar murid. Selain itu, kelemahan calon tidak memahami kehendak soalan yang dikemukakan dalam peperiksaan awam menurut Zamri (2014) juga menyebabkan calon tidak dapat memberi isi-isi yang menepati kehendak soalan sama ada soalan berbentuk Kemahiran Berfikir Aras Rendah dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi. Perkara ini turut disokong oleh Mohd. Zaini (2015), iaitu, ketidakceapan menguasai kemahiran menjawab Soalan Pemahaman KOMSAS menyebabkan terdapat soalan tersebut tidak dijawab oleh calon dengan baik. Kelemahan menguasai kemahiran menjawab Soalan Pemahaman KOMSAS merupakan satu penyebab murid tidak dapat menguasai Kemahiran Berfikir.

Situasi ini menunjukkan pembinaan minda murid dalam menghadapi kompleksiti soalan yang pelbagai aras kognitif masih lemah (Abdul Rashid *et al.* 2016). Hal ini demikian kerana murid lebih cenderung memilih soalan pada aras rendah dalam menjawab Soalan Pemahaman KOMSAS kerana dianggap lebih selamat berbanding soalan berbentuk fakta, analisis, komen serta penghuraian logik yang memerlukan pemikiran kritis dan analitis yang merupakan elemen pemikiran aras tinggi. Walaupun calon memilih soalan aras rendah namun calon masih gagal menunjukkan penguasaan dalam menjawab soalan tersebut. Laporan ini juga menyatakan calon masih belum mempunyai kerangka konseptual yang jelas dalam menghasilkan jawapan secara kritis. Jawapan yang diberikan gagal dikembangkan dengan baik. Hal ini sekali gus menyebabkan penjelasan tentang isi secara tersurat dan tersirat menjadi lemah. Selain itu, calon juga masih gagal memahami tugas soalan serta kehendak frasa penyoalan yang menjadi tunjang bagi setiap pertanyaan. Hal ini seterusnya mengakibatkan kandungan isi jawapan yang dikemukakan jauh daripada fokus pertanyaan, meleret-leret dan tidak tepat dalam menjawab Soalan Pemahaman KOMSAS. Secara tidak langsung usaha memupuk budaya berfikir masih lemah dalam kalangan murid.





Rentetan daripada permasalahan ini, satu skema konsep pemikiran hendaklah dibentuk dalam pengajaran dan pembelajaran KOMSAS dalam menjawab Soalan Pemahaman KOMSAS Kertas 2, Kod Kertas 1103/2 Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) agar membantu murid mendapatkan skor markah Soalan Pemahaman dengan baik dan dapat memupuk Kemahiran Berfikir Aras Rendah dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dengan baik. Oleh itu, sebuah modul diperkenalkan, iaitu, Modul Konseptual Kata Kunci atau dikenali sebagai Modul 3K. 3K merupakan singkatan daripada K pertama, Konseptual, K kedua, Kata dan K ketiga, Kunci. Konseptual Kata Kunci (3K) ini merupakan pendekatan yang menjadikan Teori Konseptual Kata Kunci oleh Mokhtar Hassan (2007) dan Model Skema oleh Kant (1963). Gabungan kedua-dua teori ini dipilih kerana kata kunci dalam yang terdapat dalam pemikiran merupakan satu konseptual kognitif yang dapat diinterpretasikan dalam bentuk visual melalui pembentukan satu skema pemikiran.



Modul 3K ini membantu menterjemah idea yang abstrak dalam pemikiran kognitif kepada bentuk yang lebih konkrit dalam usaha menyelesaikan sesuatu permasalahan. Penyelesaian kepada sesuatu permasalahan ini sangat penting dalam mencapai sesuatu tujuan ataupun objektif seseorang individu dalam kehidupan. Dalam usaha menterjemahkan idea abstrak yang terdapat dalam pemikiran ini, satu peta konsep telah dibina untuk memvisualisasikan idea tersebut menjadi konkrit. Peta konsep yang terdapat dalam Modul 3K ini merupakan rantai kata kunci yang merupakan satu konseptual yang terdapat dalam minda dan diterjemahkan membentuk satu skema pemikiran. Fokus utama binaan Modul 3K ini adalah untuk membantu murid yang akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dalam menjawab soalan Pemahaman KOMSAS Bahasa Melayu, iaitu, Kertas 2 Bahasa Melayu Kod Kertas 1103/2 bahagian Soalan Pemahaman.





Hal ini demikian kerana daripada permasalahan yang timbul, didapati bahawa skor markah Soalan Pemahaman KOMSAS yang baik adalah sangat penting dalam membantu murid mendapatkan keputusan yang cemerlang dalam SPM. Selain itu, pecahan Soalan Pemahaman KOMSAS yang terdiri daripada aras soalan rendah dan tinggi secara tidak langsung membantu murid memupuk Kemahiran Berfikir Aras Rendah dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dengan baik. Oleh itu, satu kajian terhadap kesan penggunaan Modul 3K dalam menjawab Soalan Pemahaman KOMSAS dilihat sangat perlu dan penting dijalankan bagi meningkatkan skor markah Soalan Pemahaman KOMSAS yang dapat membantu murid menjawab kertas soalan Bahasa Melayu Sijil Pelajaran Malaysia dengan baik. Selain itu, penggunaan Modul 3K juga dapat memupuk Kemahiran Berfikir Aras Rendah dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam kalangan murid. Kedua-dua penguasaan aspek ini adalah sangat penting membantu murid menjadi murid yang cemerlang dan mempunyai pemikiran yang lebih cerdas serta mampu menangani cabaran global dengan baik.



1.4 Objektif Kajian

Tiga objektif kajian telah dibina dalam kajian ini dalam melihat kesan penggunaan Modul 3K dalam menjawab Soalan Pemahaman KOMSAS. Objektif kajian adalah seperti berikut:

- 1.4.1 Melihat kesan penggunaan Modul 3K terhadap peningkatan skor markah dalam menjawab Soalan Pemahaman KOMSAS.





1.4.2 Melihat kesan penggunaan Modul 3K terhadap peningkatan skor markah Soalan Pemahaman KOMSAS dalam memupuk Kemahiran Berfikir Aras Rendah (KBAR) dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).

1.4.2 Melihat persepsi murid menggunakan Modul 3K dalam meningkatkan skor markah Soalan Pemahaman KOMSAS.

1.5 Soalan Kajian

Terdapat tiga soalan kajian dalam kajian ini. Soalan kajian tersebut seperti berikut:

1.5.1 Sejauhmanakah pencapaian murid menggunakan Modul 3K dalam meningkatkan skor markah Soalan Pemahaman KOMSAS?

1.5.2 Sejauhmanakah pencapaian murid menggunakan Modul 3K dalam meningkatkan skor markah Soalan Pemahaman KOMSAS untuk memupuk Kemahiran Berfikir Aras Rendah (KBAR) dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).

1.5.3 Apakah tahap persepsi murid menggunakan Modul 3K dalam meningkatkan skor markah Soalan Pemahaman KOMSAS?





1.6 Hipotesis Kajian

Terdapat dua hipotesis alternatif dalam menjawab soalan kajian satu dalam mengukur skor markah murid menggunakan Modul 3K dalam menjawab Soalan Pemahaman KOMSAS . Hipotesis kajian adalah seperti berikut:

1.6.1 Hipotesis Kajian 1

Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan bagi skor markah Soalan Pemahaman KOMSAS (konvensional) kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan dalam ujian pra.

1.6.2 Hipotesis Kajian 2



Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan bagi skor markah kumpulan kawalan (Konvensional) dan kumpulan rawatan (Modul 3K) dalam ujian pasca.

Seterusnya, terdapat tiga hipotesis alternatif dalam menjawab soalan kajian dua dalam mengukur skor markah murid menggunakan Modul 3K untuk memupuk Kemahiran Berfikir Aras Rendah (KBAR) dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Hipotesis kajian adalah seperti berikut:





1.6.3 Hipotesis Kajian 3

Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan bagi skor markah Soalan 1 (KBAR) bagi kumpulan kawalan (konvensional) dan kumpulan rawatan (Modul 3K) dalam ujian pasca.

1.6.4 Hipotesis Kajian 4

Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan bagi skor markah Soalan 2 (KBAT) bagi kumpulan kawalan (konvensional) dan kumpulan rawatan (Modul 3K) dalam ujian pasca.



1.6.5 Hipotesis Kajian 5

Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan bagi skor markah Soalan 3 (KBAT) bagi kumpulan kawalan (konvensional) dan kumpulan rawatan (Modul 3K) dalam ujian pasca.

1.7 Kepentingan Kajian

Setiap kajian yang dihasilkan seharusnya memberikan pelbagai manfaat kepada pihak yang berkenaan. Hal ini demikian kerana dalam membolehkan alat yang dihasilkan dalam sesebuah kajian dapat digunakan. Berikut merupakan kepentingan kajian:



1.7.1 Guru

Hasil kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada para guru dalam usaha untuk mempelbagaikan teknik pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan. Modul konseptual ini diharap dapat membantu guru memudahkan pengajaran guru di dalam kelas dan dapat memberikan ilmu KOMSAS sepenuhnya kepada murid. Konseptual minda berdasarkan kata kunci ini diharap dapat memberi satu suntikan baharu dalam mengukuhkan lagi proses pengajaran KOMSAS guru di dalam kelas terutamanya dalam pembelajaran pemahaman KOMSAS serta dalam usaha meningkatkan Kemahiran Berfikir terutamanya dalam kalangan murid.

1.7.2 Murid

Kajian ini dapat membantu murid dalam menyelesaikan masalah mereka terutamanya dalam aspek menjawab soalan Pemahaman KOMSAS yang memerlukan banyak bacaan karya Sastera. Penggunaan Modul 3K ini dapat memberikan satu gambaran minda murid mengenai proses atau cara berfikir dalam mendapatkan jawapan soalan Pemahaman KOMSAS. Secara tidak langsung dapat membantu murid menjawab peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia dengan baik.

1.7.3 Penggubal Dasar Pendidikan

Kajian ini diharapkan memberi panduan kepada pihak penggubal dasar pendidikan melalui Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia agar dapat bertindak wajar dalam menentukan modul pembelajaran yang



digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Dalam ledakan era pembelajaran abad 21 ini, Kemahiran Berfikir adalah sangat penting dalam penerapan pengajaran guru di dalam bilik darjah. Oleh itu, pembangunan Modul 3K diharap dapat membantu pihak penggubal dasar pendidikan dalam meningkatkan lagi Kemahiran Berfikir murid.

1.8 Batasan Kajian

Pengkaji membataskan kajian kepada sebuah sekolah menengah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (Zon Sentul) dan melibatkan sampel seramai 50 murid tingkatan empat di daerah Segambut, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Alat kajian adalah Modul 3K dan Set Soalan Pemahaman KOMSAS yang melibatkan soalan Pemahaman KOMSAS dan dibataskan kepada Petikan Prosa Moden, iaitu, petikan Cerpen dan Drama daripada Antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*. Pemilihan ini dihadkan kepada Cerpen dan Drama sahaja kerana untuk tujuan kajian ini dalam proses permulaan memupuk Kemahiran Berfikir murid. Pembinaan soalan di dalam modul adalah berlandaskan format soalan Pemahaman Bahasa Melayu, Kertas 2, 1113/2 Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).





1.9 Definisi Operasional

Definisi operasional merupakan salah satu aspek yang sangat penting dalam sesebuah kajian. Hal ini demikian kerana melalui definisi membantu mengoperasi maklumat atau topik utama sesuatu kajian. Berikut adalah definisi operasional kajian ini:

1.9.1 Kata Kunci

Setiap bahasa mempunyai kata-kata kunci tersendiri dan kata-kata kunci tersebut akan memaparkan nilai budaya dan masyarakat bahasa tersebut yang menuturkan atau memilikinya. Kata kunci (*keywords*) diperkenalkan oleh Raymond Williams dalam bukunya bertajuk *Keywords A. Vocebulary of Culture and Society* pada tahun 1976 dapat difahami sebagai “*a sheredbody of words and meaning that can be socially and culturally grouped*” (Mohammad Mokhtar Hassan, 2005). Selain itu, Mohamad Mokhtar Hassan turut memetik kata-kata Syed Naquib al-Attas yang menyatakan bahawa dalam perbendaharaan kata sesuatu bangsa terdapat apa-apa yang dinamakan lapangan semantik atau lingkungan konsepsi. Lapangan semantik mengandungi kata-kata kunci yang mengelilingi satu kata tertentu sebagai pusatnya, iaitu dinamakan kata fokus. Kata kunci ialah sejumlah perkataan dalam perbendaharaan kata sesuatu bahasa yang sangat kuat mempengaruhi pembentukan fikiran konsepsi masyarakat itu tentang kewujudan, alam, realiti dan kehidupan mereka.

Kata kunci bertindak sebagai kata fokus apabila perkataan itu menampilkan lapangan semantik yang ketara dan penting yang sangat rapat hubungannya dengan makna pusat perbendaharaan kata bahasa itu. Kata kunci sentiasa berhubungan dengan sejumlah kata-kata kunci yang lain, namun terdapat satu kata kunci yang menjadi fokus



atau pusat tumpuan makna. Dalam kajian ini, kata kunci merupakan fokus utama dalam membentuk aliran pemikiran. Aliran daripada kata kunci ini membentuk skema pemikiran yang diterjemahkan secara visual yang menggunakan peta konsep. Kata kunci yang didapati dalam rangkaian Soalan Pemahaman KOMSAS dialirkan bagi menkonsepkan skema pemikiran dalam menjawab Soalan Pemahaman KOMSAS secara lebih tepat.

1.9.2 Peta Konsep

Peta konsep merupakan satu alat skematik yang mewakili suatu set makna konsep yang dikemukakan dalam satu rangka kenyataan (Novak dan Gowin, 2008). Peta konsep merupakan gambaran yang konkrit yang terkandung dalam minda. Konsep pula merupakan rangsangan atau maklumat yang dihimpunkan berdasarkan ciri persamaan yang dapat diperhatikan. Dari sudut fahaman konstruktivisme, konsep membolehkan kita meletakkan maklumat baru ke dalam struktur pengetahuan atau kecerdasan yang sedia ada. Konsep dapat diuruskan secara hierarki dengan merujuk konsep yang spesifik kepada konsep yang lebih umum.

Dalam kajian ini, peta konsep merujuk kepada satu pembentukan skema pemikiran yang konkrit dalam minda. Skema pemikiran ini diterjemahkan dalam peta konsep secara visual untuk menjadikan pemikiran minda kepada bentuk abstrak. Skema pemikiran ini yang diterjemahkan menggunakan peta konsep merupakan jalinan kata kunci dalam merangka kehendak sebenar Soalan Pemahaman KOMSAS. Oleh itu, peta konsep merupakan salah satu alat yang sangat sesuai digunakan dalam membuat satu rangkaian atau urutan dalam sesuatu proses dalam binaan Modul 3K.



1.9.3 Modul Konseptual Kata Kunci (3K)

Setiap individu pada umumnya pasti mempunyai konsep tersendiri terhadap sesuatu idea, perkara, hal, objek dan peristiwa. Konsep tersebut berkemungkinan sama ataupun berbeza dengan individu yang lain. Persamaan dan perbezaan konsep ini dipengaruhi oleh latar belakang, pendidikan, lingkungan masyarakat sekeliling, kepercayaan, adat budaya, ideologi, dan pertubuhan yang diperjuangkan. Kebiasaannya manusia biasa yang terdedah kepada pengalaman, persekitaran, pendidikan, pekerjaan, masyarakat, politik dan kepercayaan mempunyai konsepsi tersendiri terhadap sesuatu isi, perkara, hal dan objek. Konsepsi mereka juga boleh kekal mahupun berubah mengikut peredaran masa, umur dan zaman. Dalam melihat konsepsi seseorang pengarang terhadap sesuatu isu, hal, perkara ataupun objek itu dapat diteliti daripada kata-kata yang digunakan dalam hasil karya mereka. Kata-kata yang dipilih ini dinamakan sebagai kata kunci (Mohamad Mokhtar Hassan, 2005).



Selaras dengan itu, dalam kajian ini konsepsi dalam pemikiran seseorang (kognitif) merupakan satu pembentukan konseptual minda terhadap setiap sesuatu penelitian. Dalam usaha menterjemahkan konseptual ini dalam bentuk yang konkrit aliran kata kunci dilihat merupakan salah satu aspek yang penting dalam usaha menginterpretasikan maklumat untuk diterjemahkan. Oleh itu, terjemahan tersebut merupakan satu skema pemikiran yang dikonkritkan secara visual menggunakan peta konsep dengan pertalian kata kunci. Pertalian kata kunci ini merupakan pembentukan konsepsi kognitif yang diterjemahkan bagi membentuk satu konseptual kata kunci. Rentetan daripada ini, Modul 3K yang menerapkan peta konsep bagi membantu memvisualkan pemikiran ke arah yang lebih konkrit. Aliran pemikiran ini merupakan satu skema pemikiran yang membentuk konseptual minda berasaskan aliran kata kunci.





1.9.4 KOMSAS

KOMSAS ialah akronim bagi perkataan-perkataan 'komponen' dan 'kesusasteraan Melayu'. KOMSAS ialah komponen penting dalam subjek Bahasa Melayu. Bagi pengajaran dan pembelajaran KOMSAS dalam subjek Bahasa Melayu, Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) Tingkatan I hingga V pascatahun 2003 telah memperuntukkan dua waktu dalam seminggu. Zahirah Aziz dan Kamaruzaman Abdullah (2001) selanjutnya menerangkan bahawa melalui pembelajaran KOMSAS, murid diharapkan dapat:

- a. Menyelami masalah kehidupan dan pengalaman orang lain melalui cerita dalam karya.
- b. Menyelesaikan masalah kemanusiaan dan kemasyarakatan melalui peristiwa dalam karya sastera. Penyelesaian masalah secara positif dapat membantu murid berhadapan dengan masalah yang dihadapi dalam kehidupan mereka yang sebenar.
- c. Memikirkan nilai-nilai baik dan murni yang tersirat dalam cerita yang dibaca.
- d. Memberi kepuasan dan keseronokan dalam menghayati watak-watak dan plot dalam karya sastera.
- e. Menambah perbendaharaan kata dan membantu murid menghasilkan karangan atau karya dengan menggunakan gaya bahasa yang baik.





Dalam kajian ini, aspek Soalan Pemahaman KOMSAS Kertas 2, Bahasa Melayu SPM Kod Kertas 1103/2 telah dipilih bagi menguji Modul Konseptual Kata Kunci. Soalan Pemahaman dibataskan kepada Soalan 2, iaitu, Soalan Pemahaman Cerpen ataupun Drama Tingkatan Empat. Pemilihan Soalan Pemahaman KOMSAS ini bertujuan menguji tahap pemikiran murid bagi Soalan (i), iaitu, Soalan Berdasarkan Petikan Pemahaman bagi pengujian tahap pemikiran Kemahiran Berfikir Aras Rendah (KBAR). Seterusnya, Soalan (ii), iaitu, Soalan Kemahiran Berfikir bagi pengujian tahap pemikiran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dan Soalan (iii), iaitu, Soalan Aspek Kajian Sastera juga bagi pengujian tahap pemikiran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).

1.9.5 Kemahiran Berfikir



Kemahiran Berfikir (KB) merupakan satu proses intelektual yang melibatkan pembentukan konsep, analisis, aplikasi, sintaksis, dan menilai informasi yang terkumpul atau dihasilkan melalui pengamatan, pengalaman, refleksi, penaakulan atau komunikasi sebagai satu landasan kepada satu tindakan. KB juga adalah kemahiran mengolah operasi mental yang merangkumi pengetahuan, pengamatan dan penghasilan sesuatu (Mayer, 1988). KB merupakan suatu aktiviti bagi mengawal, menguasai dan menyesuaikan diri pada persekitaran yang sukar. Ainon dan Abdullah (1994) pula, KB boleh dikaitkan dengan kebolehan individu untuk menggunakan maklumat bagi pelbagai kegiatan aktif. Oleh itu, KB dikatakan berkait rapat dengan kebolehan seseorang insan menggunakan kedua-dua domain kognitif dan afektif dalam usaha untuk mendapatkan atau memberikan informasi, menyelesaikan masalah atau membuat keputusan.





Pemikiran aras tinggi juga dikenali sebagai Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) merupakan salah satu komponen utama dalam kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis. KBAT merupakan aras yang paling tinggi dalam hieraki proses kognitif. Situasi ini berlaku apabila seseorang mendapat maklumat baru, menyimpan, menyusun dan mengaitkannya dengan pengetahuan sedia ada dan akan memanjangkan maklumat itu untuk mencapai sesuatu tujuan atau penyelesaian situasi rumit. Menurut Bereiter dan Scardamalia (1987) dalam Kemahiran Berfikir Aras Tinggi, murid perlu dilatih mengambil bahagian dalam menentukan objektif, mewujudkan wacana, menentukan tindakan motivasi, analitik dan inferens yang dinamakan 'literasi tinggi' (*highliteracy*).

Kemahiran Berfikir Aras Rendah (KBAR) pula merupakan kemahiran menghafal atau mengingati semula sesuatu maklumat. Selain itu, murid juga boleh menerangkan sesuatu idea atau konsep kerana murid tersebut menguasai kemahiran kognitif memahami. Walaupun KBAR agak dikesampingkan, namun elemen KBAR ini sangat penting untuk dikuasai oleh murid sebelum mereka menguasai KBAT. Hal ini demikian kerana kedua-dua elemen ini sangat penting dalam meningkatkan Kemahiran Berfikir murid. Dalam kajian ini, penguasaan KBAR dan KBAT sangat ditekankan melalui pembinaan peta konsep dalam binaan Modul 3K. Elemen KBAR daripada Soalan (i) Pemahaman KOMSAS, iaitu, Soalan Berdasarkan Petikan Pemahaman merupakan satu konseptual aliran skema pemikiran berasaskan kata kunci dalam menginterpretasikan proses pemikiran mengingat dan memahami yang merupakan aras pemikiran KBAR.

Selain itu, Soalan (ii) dan (iii) Pemahaman KOMSAS pula merupakan binaan soalan berasaskan KBAT berdasarkan kata kunci binaan soalan KBAT. Penggunaan Modul 3K berasaskan kata kunci ini mampu membentuk konseptual skema





pemikiran berdasarkan peta konsep secara visual dalam membantu mencapai aras pemikiran KBAT, iaitu, mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta. Keseluruhannya, kajian ini merupakan satu rintis ke arah membantu murid memupuk Kemahiran Berfikir dengan lebih baik. Konsep jawapan yang berada di minda (kognitif) mampu diterjemahkan melalui binaan peta konsep pemikiran menggunakan Modul 3K. Pemikiran ini merupakan satu skema pemikiran yang sangat penting untuk dipupuk terutamanya dalam kalangan murid.

1.10 Rumusan Bab

Secara keseluruhan, dalam Bab 1 ini membincangkan tentang latar belakang kajian yang merangkumi aspek permasalahan yang dilihat oleh pengkaji. Permasalahan yang timbul menarik minat pengkaji menghasilkan hipotesis kajian yang dapat menyelesaikan masalah dalam menjawab Soalan Pemahaman KOMSAS dan usaha memupuk Kemahiran Berfikir Aras Rendah dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi murid.

